

Headline	UMP laku kecemerlangan di gerbang antarabangsa		
MediaTitle	Kosmo		
Date	10 Nov 2018	Language	Malay
Circulation	155,996	Readership	467,988
Section	Negara	Page No	12,13
ArticleSize	1579 cm <sup>2</sup>	Journalist	SHAHRULANOOR
PR Value	RM 123,405		



DAING NASIR (lima dari kanan) berjabat tangan dengan Presiden Asahitechno Co. Ltd., Shigeyoshi Takahashi dalam menjalinkan kerjasama berkaitan pembinaan Super Well Point (SWP) sebagai suatu kaedah untuk menangani risiko banjir.



KUMPULAN penyelidik UMP yang berjaya meraih dua pingat emas dan satu perak pada International Trade Fair-Ideas-Inventions - New Product (EINA) 2018 di Nuremberg, Jerman baru-baru ini.

## Kemampuan menghasilkan penyelidikan berimpak tinggi UMP laku kecemerlangan di gerbang antarabangsa



Susunan SHAHRULANOOR ISHAK

**H**ARI ini (Sabtu) dan esok (Ahad), seramai 2,773 graduan menerima ijazah dan diploma dalam bidang masing-masing selepas menamatkan pengajian di Universiti Malaysia Pahang (UMP). Turut menerima skrol ialah 515 graduan yang mengikuti program UMP Advance serta 40 lagi penuntut Program Kerjasama

Dwi-Ijazah Kejuruteraan Automotif dan Mekatronik dan Dwi-Ijazah Kejuruteraan Perniagaan dengan usahasama dua universiti dari Jerman.

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Seri Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, tersenarai sebagai antara institusi pendidikan tinggi (IPT) terbaik di Asia, UMP bukan sahaja berijazah mencatat 96 peratus kadar graduan yang berjaya mendapat pekerjaan, malah turut memiliki tenaga akademik yang mampu menghasilkan penyalid-

kan dan pembangunan (R&D) berimpak tinggi.

Menurut Daing Nasir, UMP sentiasa melakukan tambah nilai terhadap program akademik dengan menggunakan model bertaraf dunia seperti Program Dwi-Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Automotif serta Kejuruteraan Mekatronik dengan kerjasama Karlsruhe University of Applied Sciences (HsKA) di Jerman yang kini masuk tahun ketujuh.

Menurut beliau, hasil program kerjasama itu diperluaskan melalui usahasama dengan sebuah lagi institusi pendidikan dari Jerman, Reutlingen University menerusi program Ijazah Sarjana Muda Kejurute-

ran Perniagaan bagi menjalin hubungan akademik dalam kejuruteraan bertaraf dunia.

Tambah Daing Nasir, pengantarabangsaan UMP menerusi jaringan akademik bersama kepakaran Jerman mampu melahirkan graduan berdaya saing dan global serta meningkatkan peluang ditawarkan pekerjaan di syarikat-syarikat yang berpangkalan di negara tersebut.

"UMP akan terus meneroka idea-idea baharu untuk memperkasa bidang pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan bertaraf dunia dalam ekosistem kejuruteraan dan teknologi dengan lebih inovatif untuk manfaat masyarakat di negara ini. Ia pasti menjadi suntikan semangat buat warga UMP untuk terus berkarya berpaksaan budaya penyelidikan unggul, kreatif dan berkualiti tinggi," katanya.

Terkini, program Sarjana Muda Kejuruteraan Perniagaan di Fakulti Pengurusan Industri yang merupakan

program dwijazah secara usahasama ini turut mendapat pengiktirafan dan akreditasi daripada The Chartered Institute of Logistics and Transport (CILT) di United Kingdom.

"UMP juga sentiasa memastikan pembentukan kurikulum akademik yang lebih inovatif. Pembentukan kurikulum tersebut disokong oleh tenaga profesional yang kompeten bagi menjadikan infrastruktur akademik UMP berada pada tahap lebih efisien serta berorientasikan keperluan industri dan masyarakat," tambah Daing Nasir.

Dalam menyahut seruan kerajaan untuk memperkasa Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) pula, UMP juga bakal menawarkan program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (BTech) yang menyasarkan lepasan kolej vokasional, politeknik serta institusi kemahiran lain bermula tahun hadapan.

Selain jangkauan impak tinggi



UMP akan terus meneroka idea-idea baharu bagi memperkasa bidang pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan bertaraf dunia dalam ekosistem kejuruteraan dan teknologi dengan lebih inovatif untuk manfaat masyarakat di Malaysia.



Headline	UMP laku kecemerlangan di gerbang antarabangsa		
MediaTitle	Kosmo		
Date	10 Nov 2018	Language	Malay
Circulation	155,996	Readership	467,988
Section	Negara	Page No	12,13
ArticleSize	1579 cm <sup>2</sup>	Journalist	SHAHRULANOOR
PR Value	RM 123,405		

terhadap industri automotif negara termasuk projek kereta nasional ketiga, penglibatan Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) dalam aspek pendaftaran graduan yang akan memasuki program ini menjadikan B'Tech lebih berdaya saing dan lestari.

Dalam usaha memperkukuh kerjasama teknologi pintar Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) pula, UMP turut menjalin kerjasama dengan Pusat Kecemerlangan Asia bagi Teknologi Pintar (ACES) berkaitan IR 4.0 memabitkan aktiviti pembangunan sumber manusia dalam teknologi pintar serta inisiatif digital bukan sahaja di Wilayah Ekonomi Pantai Timur, juga Asia.

Seiringan itu, UMP juga menjadi universiti awam pertama di negara ini yang menerima geran industri Seeding Fund HP Malaysia Manufacturing Sdn. Bhd. untuk meningkatkan kecukupan pekerja melalui pembangunan teknologi berteraskan elemen IR 4.0.

#### Pengiktirafan antarabangsa

Pembangunan berteraskan elemen tersebut melibatkan kepintaran buatan, storan awam dan sistem automatik. Prototaip produk ini dibangunkan secara bersama di makmal Innovative Manufacturing, Mechatronics and Sport Laboratory (iMAMS), Fakulti Kejuruteraan Pembuatan UMP serta di makmal HP Manufacturing Malaysia.

Tahun ini, UMP juga mengembangkan capaian sejagat melalui jaringan kerjasama akademik dengan pelbagai IPT di luar negara termasuk Telkom University dan Universitas Andalas di Indonesia; Northern University dan Manarat International University di Bangladesh; GRG School of Management Studies di India; National College of Automotive Technology di Oman; dan Hassan II University of Casablanca di Maghribi. Meneruskan langkahannya me-



DUA jurnal terbitan UMP iaitu *International Journal of Automotive and Mechanical Engineering (IJAME)* dan *Journal of Mechanical Engineering and Science (JMSE)* diiktiraf Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai Jurnal CREAM 2018 bagi kategori Jurnal Berprestasi Tinggi Diindeks dalam SCOPUS bagi bidang Sains, Teknologi dan Perubatan pada Malaysia's Star Award 2018.

nuju kegemilangan, UMP melakar kejayaan membanggakan apabila mencatat pencapaian terbaik menerusi QS University Ranking Asia 2019 selepas tersenarai di kedudukan 188 terbaik Asia.

Pencapaian tersebut juga meletakkan UMP sebagai yang pertama dalam kalangan universiti teknikal di Malaysia (MTUN) yang berjaya berada pada tahap kedudukan terbaik Asia, selain turut memperoleh penilaian lima bintang untuk kriteria Pengajaran dan Pembelajaran dalam Sistem Penilaian Quacquarelli Symonds (QS) Stars Rating 2018 pada pertengahan tahun ini.

Turut membanggakan, QS juga menyenaraikan subjek Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan di UMP dalam kelompok 251-300 terbaik di dunia.

Kejayaan ini turut dibuktikan melalui pencapaian lima bintang dalam semua aspek penarafan termasuk Penilaian Penyelidikan Malaysia (MyRA), Sistem Penarafan Universiti dan Kolej Universiti (SETARA), Penarafan Pengumpulan Data Kem-

terian Pendidikan (MyMohes) dan Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti Jabatan Audit Negara.

Dalam usaha UMP memasyarakatkan teknologi, ia terus dipergiat melalui kolaborasi geran penyelidikan bersama pihak luar. Tahun ini, UMP memperkenalkan geran padanan antara agensi, universiti awam, universiti swasta, industri dalaman dan industri antarabangsa.

#### Strategi pintar

Melalui strategi pintar ini, jaringan penyelidikan diperluas melalui gabungan kepakaran penyelidik dan dana penyelidikan pihak luar untuk memberi impak global kepada hasil penyelidikan UMP.

Lebih membanggakan, UMP juga berjaya meningkatkan pembiayaan projek penyelidikan melalui geran antarabangsa termasuk melalui kolaborasi penyelidikan dengan Ajmal Perfumes Manufacturing and Oudh Processing Industry L.L.C. di India bagi produk gaharu.

Kolaborasi penyelidikan bersama Asahitechno Co. Ltd. di Jepun memfokus kepada pembangunan kaedah *super well point* dalam pencegahan banjir. Kerjasama dengan HsKA Jerman pula menerusi kajian *Cyberphysical Systems* dalam kejuruteraan mekatronik dan automotif yang dilihat berpotensi besar untuk dikembangkan.

Melalui kumpulan penyelidik dari Fakulti Pengurusan Industri pula, UMP meneroka potensi teknologi *blockchain* bagi membangunkan sistem pengurusan rantaian bekalan halal yang berdaya saing.

Menerusi Blockchain Technology Flagship Programme yang sedang dijalankan, UMP menasarakkan untuk membangunkan reka bentuk sistem teknikal berkaitan industri halal yang berpotensi untuk dikomersialkan.

UMP menjangka iklim pengkomersialan yang lebih kompetitif pada tahun 2019 apabila beberapa inovasi lain sedia memasuki pasaran. Ia termasuklah produk gelatin halal, baja dan makanan haiwan yang di-

#### INFO UMP

- Seramai 2,773 graduan menerima ijazah dan diploma pada 10 hingga 11 November ini
- UMP melahirkan 25,275 graduan sejak ia ditubuhkan
- Kedudukan 188 terbaik dalam kalangan universiti di Asia
- Kedudukan 13 terbaik antara universiti di Malaysia
- Terbaik antara universiti teknikal (MTUN) di Malaysia
- Penarafan QS Lima Bintang bagi kategori pengajaran, pasaran graduan
- Kelompok 251-300 terbaik dunia bagi subjek Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan
- Penilaian MyRA Lima Bintang
- Penarafan Sistem SETARA Lima Bintang
- Penarafan MyMohes Lima Bintang
- Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti Jabatan Audit Negara

hasilkan Halal Gelatin Manufacturing Incubator Centre di Kampus UMP Pekan.

Selain itu, UMP juga akan terus mengembangkan inisiatif MyGift yang dilancarkan pada 2016 bagi tujuan *endowment* serta wakaf pendidikan dan ia telah berjaya mencatat kutipan RM18.2 juta untuk manfaat pelbagai pihak melalui pembiayaan biasiswa dan insentif pendidikan.

Seramai 126 pelajar UMP daripada kalangan keluarga B40 pula telah terpilih menerima Dermasiswa MyBrighter Future tajaan Tenaga Nasional Berhad menerusi Yayasan Tenaga Nasional (YTN).

Bagi mencapai hasrat memperkasakan pendidikan dalam ekosistem teknologi kejuruteraan, UMP akan terus memfokuskan lima lonjakan strategik iaitu Keunggulan Akademik; Kelestarian Kewangan; Keunggulan Penyelidikan dan Inovasi; Keunggulan Jenama dan Kemampunan Sosioekonomi dan Persekitaran untuk memanfaatkan masyarakat di negara ini.



PENYELIDIK UMP, Idris Mat Sahat menghasilkan Wrist Rehab yang bakal dikomersialkan di peringkat antarabangsa bagi membantu pesakit strok menjalani rawatan fisioterapi.



PENYELIDIK UMP meraih lima anugerah khas, lima emas dan dua perak pada British Invention Show Awards 2018.



DAING NASIR bersama graduan sulung Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Perniagaan hasil program kerjasama antara UMP dan Reutlingen University Jerman yang bergraduasi pada Majlis Konvokesyen UMP ke-13 di Pahang baru-baru ini.